Medical Card Terbaik Di Malaysia

Jadi apakah medical card terbaik terbaik di Malaysia? Adakah Prudential, mahupun AIA? Atau pun ada lagi yang lain? Untuk pengetahuan anda, Insurance ni yang saya tahu dan faham dan nampak kesan positifnya cuma dua sahaja. Iaitu AIA atau pun Prudential.

Dua ini sahaja, AIA sebab saya memang pernah subscribe Medical Card sebelum ini. Masa tu harga bulanan lebih kurang dalam RM 50 lebih. Rasanya pakej AIA yang ini sudah tiada lagi. Untuk prudential pula sebab ada kawan rapat yang guna. Rasanya dia ambil family plan.

Ingat lagi, dia cerita. Masa tu mula mula baby baru lahir. Biasanya lah kesihatan baby tak menentu awal awal kelahiran. Jenuh juga dia ulang alik, kosnya masa tu dalam RM 2 500 kalau tidak silap. Tapi sebab kan ada Medical Card Prudential, semuanya bisa di atur.

Perhatian!!!

Saya ni bukan agen insurance untuk mana mana company ya. Saya pun pengguna seperti anda. saya pun blur nak buat permohonan medical card yang mana satu. Saya pun macam anda yang menyampah dengan kawan yang promote insurance ni. Biasalah, kalau diorang ni bercakap, akhirnya mesti ending dengan minta sign up insurance diorang.

Memang lah kita menyampah, tapi penting dan sangat berguna juga untuk kita ambil

Medical card apa yang paling OK ni?

Sebenarnya, bagi saya sendiri lah. Tiada medical card yang terbaik. kalau ada pun tak beza mana pun.

Contoh macam AIA dengan Prudential. Saya dulu memang rasa AIA paling OK. Plan murah dan ganjaran besar. Tapi bila bawa ke Hospital Fatimah, Swasta. Tak diterimanya. Sebab? Ada dua. Satu, memang staff Hospital Swasta si Fatimah ini tak alert. Dua, sebab pengurusan AIA yang masih lagi tak kemas.

Bila ngadu dekat Agen. Dia cakap, ‘oo hang pergi lah Hospital Ipoh Specialist, banyak client aq pergi sana’. Ada juga sedikit menyampahnya dengar alasan dia tu. Padahal masa mula mula sembang sign up, punya dengan bangga dan yakinnya kata, “hampir semua hospital swasta di Ipoh hang boleh pergi”.

Kesimpulannya.

1. Pastikan pakej dan harga bulanan yang anda mampu bayar
2. Kedudukan anda di mana, contoh di Ipoh, memang banyak hospital yang AIA boleh cover. Tapi kalau di kelantan, kalau tidak silap, masa isteri saya sign up ada dua buah sahaja. Jarak jauh juga boleh main peranan.
3. Berapa orang tanggungan.
4. Dan antara yang paling penting juga ialah berapa banyak boleh cover? Dan kalau terlebih dari apa yang mampu dicover, berapa pula yang selebihnya anda mesti bayar. Soalan ini mungkin soalan yang paling utama untuk anda tanya kalau nak sign up.
5. TAMBAHAN!!! Saya lupa benda yang tak kurang juga pentingnya, ialah agen yang promosikan insurance pada anda tu. Percayalah, bila nak sign up memang semuanya nampak smooth, tapi bila dah tiba masa nak guna pasti akan tangguh itu lah, tangguh ini lah. Benda benda ini semua sepatutnya biar agen yang selesaikan.

Untuk soalan berapa banyak boleh cover atas tadi anda kena tahu sikit lah denga harga pasaran kos perubatan.

Seperti contoh, adik saya pernah eksiden patah kaki. Total kos RM 10 000. Selamat lah adik beradiknya memang berduit. Heheh

Kalau tak? Mana nak cekau?

So total RM 10 000 ni memang boleh cover selamba kalau dengan AIA. Sebab kalau tak silap AIA cover up to RM 27 000. Kalau lebih, anda hanya perlu bayar by beberapa percentage sahaja. Selebih nya AIA yang akan bayar.

Prudential pula, saya ada tanya kawan (agen), dia cakap lebih kurang dalam RM 200. Bergantung kepada umur dan pakej nya. Cover sampai RM 100 000 dalam setahun. Banyak juga tu.

Apa apa pun, pandai pandai lah anda buat pilihan.

Di bawah adalah ranking Top Insurance di Malaysia pada tahun 2016

Rank	Brand	2016 Score
1	Prudential	32.8
2	Great Eastern Life	20.5
3	AIA	19.5
4	Etiqa	16.1
5	Allianz	12.9

***ini adalah top buzz, yang ditanya pada respondents. So rasanya mungkin data ini tak berapa tepat. Tapi yang penting, sedikit sebanyak kita dapat lah nampak mana satu yang pelopor ya. Anda boleh rujuk report penuh daripada BrandIndex

---

Diploma Kejuruteraan Mekanikal/Awam – Berapa Gaji Anda Dapat?

Agak agak berapa gaji yang anda akan dapat umumnya untuk kelulusan diploma, bila sudah masa bekerja nanti? Tidak kisah

lah, sama ada anda kelulusan diploma awam, atau pun Mekanikal seperti saya sendiri. Mahupun diploma kejuruteraan elektrik dan umpamanya.

Adakah RM 1 500? Sebab ramai yang mengatakannya.

Tidak mungkin RM 1000 sebab gaji minima dengan hanya kelulusan SPM sahaja sudah diwartakan RM 1000.

Siapa Yang Tulis Artikel Ini.

Sebelum kita pergi ke lebih lanjut, biar saya perkenalkan siapa saya dahulu. Nama saya Syed Shaff. Saya punyai lebih 7 tahun pengalaman bekerja. Saya bekerja dalam bidang swasta. Bukan kakitangan penjawat awam. Kelulusan saya sendiri ialah dalam bidang Diploma Mekanikal Engineering daripada Universiti Malaysia Pahang. Graduate pada tahun 2009. Untuk umur 29 tahun sekarang ini, sudah 4 kilang saya tukar kerja.

Kenapa tukar, bergantung kepada pelbagai faktor lah. Dan sebab utama, sudah pasti disebabkan gaji, iaitu tajuk yang kita cuba rungkai dalam artikel ini.

Anda bertuah, sebab masa saya belajar dahulu, 2006 – 2009 saya langsung tiada idea atau pun pengetahuan tentang ini. Namun, atas rezeki kesempatan yang Allah bagi, alhamdullillah saya sempat sampaikan mana yang anda perlu tahu supaya persediaan awal itu, insyaAllah.

Baiklah, sekarang anda pun tahu yang saya kelulusan Diploma Mekanikal Engineering. Dan ‘directly’ gaji saya ialah:

Kerja Pertama Sebagai Drafsman

Kerja ini lebih kepada melukis menggunakan Autocad dan juga Solidwork.

Antara satu task saya ialah,

Anda perasan tidak akan lampu jalan raya yang kadang kadang

akan ada bengkok separuh bulat di bahagian puncaknya. Kebanyakan di bandar besar seperti Putrajaya ada design tiang lampu seperti ini.

Percaya tidak, bengkok bulat tiang tersebut adalah dari satu mesin yang saiznya seperti satu kereta MyVi. Dan antara satu tugas saya, ialah copycat mesin ini bulat bulat, dan improvekan design dan kecekapannya supaya ia jadi lebih baik. Sebab teknologi, atau semasa mesin ini dicipta ialah lebih kurang 20 tahun yang dahulu. Tapi saya tak sempat habiskan task ini, sebab diberhentikan selepas hanya 5 bulan bekerja. Dan gaji saya ialah RM 1 200

Seterusnya, saya kerja sebagai operator di sebuah kilang screw.

Tugas seperti yang operator biasa lah, seperti contoh:

1. Bawah forklift
2. Bungkus produk.
3. Turunkan barang dari Lorri dan naikkan barang semua.
4. Welding dan sebagainya.

Untuk tempoh ini, saya dalam keadaan terpaksa untuk MESTI juga dapatkan kerja. Kiranya, sekurang kurang saya masih lagi dapat duit walaupun ia bukan setaraf pengajian saya. Dan gaji saya ketika ini lebih kurang dalam RM 700 hingga RM 800. Sangat sedikit, memang tak cukup. Saya bagi bulanan ibu saya, lebih kurang dalam RM 50 sahaja.

Pertama Kali Jadi Technician

Seterusnya, saya masih lagi kerja untuk produk yang sama, tapi lokasi kilang lain. Tapi masih lagi ‘bos’ yang sama.

Gaji saya RM 1 200.

Masa ni tugas saya sebagai technician. Bermakna, saya sudah mula bekerja untuk level pengajian saya.

Antara machine yang terlibat ialah stamping machine. Thread machine, welding, grinding dan aktiviti yang lain itu sudah pasti lah.

Pertama Kali Gaji Mencecah RM 2000

Selepas tidak sampai setahun, saya kerja sebagai Process Technician di sebuah kilang semiconductor di Ipoh. Kalau tidak silap, jumlah pekerja keseluruhannya lebih kurang dalam 2 500 orang. Ada lagi satu cawangan yang juga di Ipoh, jumlah pekerja untuk kilang yang satu lagi ialah lebih kurang dalam 1000.

Masa bekerja di sini, pertama kali saya dapat gaji yang betul betul pada tahap yang baru boleh menyimpan. Iaitu lebih kurang RM 2 500. Gaji pokok saya ialah RM 1 500. Bermaksud, RM 2 500 yang saya dapat itu adalah tambahan kepada kerja lebih masa yang saya buat.

Saya juga untuk usaha buat kerja lebih masa, mana tahu kalau boleh cecah RM 3 000. Tapi agak susah.

Paling tinggi pun, lebih kurang RM 2 700 sahaja.

Dan selepas 1 tahun 6 bulan, saya ambil keputusan untuk berpindah ke kilang yang lain.

Pertama kali cecah gaji RM 5 200

Untuk kilang yang ini, gaji pokok saya naik lebih kurang dalam RM 150 sahaja. Dalam RM 1650. Tapi bila saya buat kerja lebih masa, RM 3 500 sebulan itu adalah biasa.

Dan saya pernah sampai RM 5 200, sebab banyak kerja pada public holiday (2 atau 3 kali ganda dari gaji hari biasa)

Selepas 2 tahun, saya terpaksa berpindah ke kilang lain, kerana kilang yang sekarang ini ditutup atas sebab tertentu.

Pertama Kali Gaji Bulanan 4k itu biasa.

Di kilang yang seterusnya sekarang ini. Alhamdulillah, berkat rezeki kahwin agaknya. Selepas 7 tahun bekerja saya rasa sudah capai lebih daripada apa yang saya target.

Masa mula mula bekerja dahulu, saya ada bayangkan untuk dapat gaji pokok sekurang kurang nya RM 2 000 sebelum atau setidak tidaknya bila saya sudah berumur 30 tahun. Sekarang 29, tapi gaji pokok sudah mencecah RM 2 000 dan plus plus sedikit.

Dan ya, sudah hampir 1 tahun kerja di sini, boleh kata kerap juga gaji saya mencecah RM 4000 dalam sebulan, hasil daripada kerja lebih masa lah. Ini sahaja, kalau nak duit lebih kalau kerja dengan Kilang.

Kilang ini ada 2 cawangan, cawangan yang saya kerja ialah lebih kurang 2 500 orang, manakala cawangan yang lagi satu lebih kurang 7 ribu orang.

Dan sekarang kita akan pergi kepada bahagian yang paling penting. Iaitu kesimpulan artikel ini.

Kesimpulan…

Untuk menjawab persoalan di atas, berapa gaji yang kita akan dapat dengan kelulusan Diploma bergantung kepada pelbagai faktor. Dan antara faktor tersebut saya rumuskan di bawah:

1. Gaji pokok untuk Diploma bukan RM 1500 seperti yang saya dapat di atas. Tapi sebaliknya, untuk kilang ini ialah RM 1250 sahaja. Jangan sedih, orang SPM gaji minima RM 1000. Sedangkan kita yang ada diploma naik RM 250 sahaja. Bukan nak mengatakan tak layak untuk mereka yang belajar sampai SPM untuk dapat RM 1000. Jangan marahkan rezeki orang lain ya. Tapi nampak sangat tidak adilnya kalau dibezakan RM 250 sahaja. Tapi, ini sebenarnya masuk akal juga, teruskan pergi ke faktor seterusnya di bawah, anda akan lebih faham maksud saya.

2. Setiap gaji pekerja juga ditentukan oleh produk yang setiap kilang yang anda bekerja itu buat. Seperti contoh, kilang pertama saya, jual screw sahaja. Jadi basic RM 1 200. Dan selepas kerja dengan kilang yang lebih berskala besar, kilang tiada masalah pun untuk bagi saya RM 4k sebulan.
3. Ini pengalaman kilang swasta. Untuk penjawat awam, mungkin basic diploma terus cecah RM 1500 + lagi dengan elaun, total lebih kurang dalam RM 1850. Kenaikan setiap tahun juga tetap lebih kurang RM 150. Berbanding dengan swasta kadang kadang RM 60 setahun pun ada.
4. Jumlah kadar lebih masa, atau pun ada kerja lebih masa atau tidak juga bergantung kepada produk yang dikeluarkan. Untuk kerja kilang yang kukuh kebanyakan memang tiada masalah untuk anda dapat duit lebih. Kadang kadang kalau kerja kakitangan awam, sekalipun gaji pokok anda besar. Tapi tiada gaji untuk kerja lebih masa. Paling kuat pun boleh claim mileage sahaja. Tapi yang kerja swasta, sampai bila pula nak kerja lebih masa.
5. Gaji pengalaman saya kerja berbeza kalau anda kerja dalam bidang oil dan gas contohnya. Atau pun dalam bidang kejuruteraan awam bahagian projek pembinaan jalan dan bangunan. Kenalan saya sendiri, kerja dengan Shell, gaji pokoknya RM 4 900. Rezeki dia. Mana yang kerja kapal, adik saya sendiri. RM 10 000 sebulan lebih kurang. Tapi tak semua kerja kapal gaji tinggi. Ada bidang dan bahagiannya, rakan saya juga kerja perkapalan hanya berapa sahaja dapat.

Dan pelbagai lagi keadaan yang boleh kita jadikan kesimpulan. Sampai sini sahaja perkongsian saya. Terima kasih kepada THEVOCKET, terumanya Cik Dayana yang beri peluang untuk saya coretkan pengalaman yang tak seberapa saya ini. Sekian dulu, saya Syed Shaff, dari Saya Share.com.

Contoh Resume – Set 1

Salam, Seperti yang biasa saya kongsikan. Step pertama ialah menyediakan resume yang menarik perhatian si penemuduga. Bukannya bawa resume cantik ni masa temuduga sahaja ya.

Sebaliknya mesti dari awal awal lagi, kiranya masa anda mula tebarkan resume anda serata alam.

Hantar resume dari kilang ke kilang memang antara 9 cara cari kerja kosong utama yang saya kongsikan tempoh hari.

Baiklah, kita dah tahu kenapa mesti guna resume yang menarik perhatian. Anda pun sudah jelas betapa penting nya tindakan ini. Tapi mana nak dapat template resume yang memang sudah di design cantik??

Tak payah cari jauh, ni bawah ni saya ada carikan untuk anda.

Setiap nya punyai range harga tertentu. Jadi, pandai pandai lah budget sendiri. InsyaAllah, tak mahal mana. Plus anda boleh guna terus dengan kilang kilang yang ada di Malaysia semua. Beli sekali sahaja pun.

1. **Resume-Template-5-pages-Milky-Way**

2. [Resume-Template-3-Page-CV-Template]

3. [Word-Resume-Cover-Letter-Template]



4. [ResumeCV-Cover-Letter]

5. [Resume-Template-4-page-pack-Iconic]

the
RESUME BOUTIQUE
MELISSA SMITH
WEB & GRAPHIC DESIGN
PROFILE & OBJECTIVE
EDUCATION
EXPERIENCE
TECHNICAL SKILLS
ACHIEVEMENTS
INTERESTS
PERSONAL
EXPERIENCE CONTINUED
REFERENCES
RESUME TEMPLATE WITH 2 pages
+ COVER LETTER

6. [ResumeCV]



7. [Infographic-Resume-Cv-Vol.-1]

8. [Infographic-Resume-Cv-Vol.-2]



9. [Infographic-Resume-Cv-Vol.-3]

10. [Resume-Cv-Clean-Collection-n5]

11. [Pages-Infographic-ResumeCv-Vol.-5]

12. [Infographic-ResumeCv-Vol.-6]



13. [Infographic-ResumeCv-Volume-7]

14. [Resume-Cv-Simple-Collection-n3]



15. [The-Resume]

16. **[Professional-ResumeCV-Template]**

17. **Resume-Adam**

18. [Simple-ResumeCv-Vol.-7]



Dan yang ini pula untuk [contoh resume Set 2]

---

10 Contoh Resume – Set 2

Untuk artikel [Contoh Resume Set 1] di sini, saya ada senaraikan lebih 15 template resume yang cantik lagi menarik untuk anda. Kalau kita jadikan template template yang memukau penemeduga ini untuk peluang [panggilan temuduga] tu memang insyaAllah akan jadi lebih cerah.

Dan dalam artikel post yang ini,saya ada lagi 10 template resume contoh yang saya nak share lagi. Saya rasa ini sahaja kot, insyaAllah kalau saya nampak yang cantik cantik lagi saya akan tunjukan dalam blog ini.

Untuk set kedua dalam artikel ni, set ini lebih dramatik sikit kot banding dengan Set 1. Anda akan perasan penggunaan color

dan juga graphic lebih striking berbanding dengan set 1.

Macam biasa, untuk buat belian, anda terus click pada tajuk untuk setiap template resume di bawah. Range harga, daripada 2 dollar hingga 12 dollar sahaja kalau saya tidak silap.

1. **Resume template-V02**

Bila saya buat resume, atau pun buat blog. Memang saya sendiri suka kalau warna nya main main sikit dengan warna biru putih. Dan resume yang design macam ni memang agak saya tersuka juga lah. Antara ciri ciri penting yang saya nampak pada resume ini ialah, gambar kita yang agak besar.

Kalau anda perhatikan di bawah gambar itu diletakkan khas untuk nama kita, size nya juga agak besar. So harap nya, penemuduga atau HR punya kilang nampak la sikit kewujudan kita yang menghantar resume ni.

Perhatikan juga, di bahagian work experience.

Penghuraian melalui pie chart kan? Sambil ada anak panah untuk

lebih detail. Ini bagus juga, mana mana resume yang saya pilih dalam post ini boleh kata semua macam ni. Kiranya cara kita memberi tahu yang kita ada experience ni nampak macam unik sikit. Bagi nampak menarik.

2. **Minimal Resume Set in 6 Variations**

Saya boleh kata, antara warna fav saya. Saya juga suka warna oren. Bagi saya warna oren nampak striking sikit berbanding dengan warna biru yang contoh atas tu. Bagaimanapun ia masih lagi terpluang kepada anda. Harga pun lebih kurang 2 dollar sahaja. Yang warna oren ni berharga 5 dollar, manakala yang biru atas tu baru 7 dollar.

Kalau tiada apa yang sangat untuk anda tulis, mungkin boleh pilih resume ini. Tapi kalau banyak yang anda nak tulis dalam page pertama,mungkin kena pilih yang lain. Sebab nampak macam tak compaq sangat isi kandungan dia kan. Tapi ok juga la, tak ada lah HR company susah atau sakit mata nak tengok.

Yang bulat bulat di bahagian bawah tu memang nampak menarik.

Memang boleh buat orang yang tengok akan terasa ketagih la orang kata.

3. **3 in 1 modern resume template**



Yang ini mungkin ada banyak contra nya, sebab tiada ruang untuk kita letak gambar. Dan kebanyakan penerangan digambar kan melalui penulisan. Jadi, tak berapa menarik dan tak berapa unik berbanding dengan resume resume orang lain.

Kita kena buat resume kita menarik dan unik motifnya sekarang. Bayangkan, berapa banyak orang hantar resume kalau ada kerja kosong. Dan bayangkan pula, lebih kurang dalam beberapa second sahaja HR akan review resume kita. Jadi, sangat penting untuk buat cantik cantik dan menarik.

4. **Beautiful Word Resume Template Pack**

Resume template yang ini bukan lah yang paling cantik dan paling bagus dalam list ni. Tapi saya nak tunjukkan yang ada penggunaan simbol. Bagus juga kan.

Berbanding dengan resume yang lain atas ni, macam tiada sangat penggunaan simbol.

Contoh yang anda boleh guna macam atas tu, ialah simbol telefon dan juga email.

Selain itu, boleh kata biasa sahaja.

Perkataan KM besar yang ditarik warna oren daripada atas itu pun nampak menarik. Nampak menarik perhatian atau mata orang yang lihat. Termasuk saya ni.

5. **The Resume**



Resume ini memang nampak striking. Selain daripada warna oren yang memang betul betul buat mata kita seronok nak tengok, perhatian juga sususan dan structure secara keseluruhannya. Nampak ia disusun dengan cantik.

Perhatian simbol untuk setiap sub tajuk apa yang kita nak huraikan, seperti about me, awards dan juga experience tu. Nampak menarik juga kalau dibuat begitu.

Yang di bahagian skills itu pun tidak kurang juga menarik nya. Resume template ini baru 5 dollar, dan anda boleh guna seumur hidup.

6. **Resume**

Lagi sekali pemilihan warna oren. Tulisan nama yang besar memang buatkan mata orang yang tengok akan terhinggap lama di situ. Untuk pengetahuan anda juga, header yang ada nama dan juga gambar anda itu adalah sama kedudukannya dengan cover letter. so sangat bagus lah, design nya buatkan ia nampak sangat profesional.

Untuk point point yang lain nya nampak masih lagi seperti biasa.

Tapi di bahagian bawah sekali, nampak menarik bila dia buatkan seperti bentuk ‘bar chart’. Mungkin anda boleh gabungkan idea ini dengan resume yang lain untuk nampak lebih lagi menarik.

7. **Resume/CV**



Ini serius memang nampak profesional. Anda tengok design nya pun sudah perasan kan. Ada resume resume yang saya listkan dalam ini ada yang didatangkan sekali dengan design CV atau Cover Letter. Dan resume template ini adalah antara nya.

Anda boleh guna template yang lebih kurang sama juga untuk design cover letter anda.

Saya suka design template resume ini. Boleh kata antara favourite saya juga dalam list resume post ni.

Harga pun murah, baru 5 dollar.

8. **Granli Resume Template**

Mana tahu, semua resume design biru dengan oren di atas ramai yang sudah beli. Apa kata kalau anda selamba grab warna Hijau ini pula. Nampak menarik juga kan. Striking.

9. **Resume (Green)**

Ini juga antara yang menjadi pilihan saya untuk resume yang berwarna hijau.

10. **The Resume/CV (Orange)**

Ini antara resume yang focus warna oren juga. Ini kalau print ni banyak juga guna ink kan. Tak apa jangan berkira sangat.

Kita tak tahu mana yang kita dapat, semuanya rezeki atas Dia. Jadi, anda memang terpaksa belanja lebih sikit untuk sediakan resume ni. Saya sendiri, kalau print resume secara pukal makan 20 ringgit juga. Tak apa, janji nampak puas hati. Sejuk mata memandang.

Baik lah, itu sahaja. Saya harap anda boleh cuba mana mana resume ini. Tak mahal lebih kurang dalam 5 dollar, atau 20 ringgit sahaja untuk anda boleh guna seumur hidup.

Cara Kira OT? Guna CALCULATOR INI (Update 2023)

Lama dah saya sediakan artikel ni. Sejak 2017 lagi. Sekarang 2020, dan saya pun dah berhenti lama dah kerja kilang.

Artikel ni saya dah review berkali kali dah. Rasanya setiap tahun saya tukar untuk memenuhi permintaan di komen.

Antara yang biasa saya diminta ialah:

- untuk saya kirakan pula berapa gaji anda. Jenuh juga tu tau. berapa ramai yang minta.
- ada juga yang minta untuk tukarkan calculator yang saya buat dibawah kepada 8% kiraan untuk KWSP. Sebab pencarum KWSP ada dua jenis kan, sama ada bayaran 8 percent atau 11 percent.
- ada juga yang minta, kirakan gaji untuk berapa hari anda bekerja. Terutamanya bagi adik adik yang baru mula bekerja yang mungkin tak lengkap 1 bulan kerja. Mungkin mula masuk kerja 10hb kan. Jadi gaji mesti nak kira 10hb bukan 1hb.

Semua semua ni saya akan cuba bantu dibawah ya.



Basic Salary	
Basic Salary	2142
Monthly Shift Allowance	
Transport Allowance	300
Other Allowance	
Total Basic	**2442**

Overtime		
Rate 1.5	20.1	966.1
Rate 2.0	26.8	1288.1
Rate 3.0		
Total OT		**2254.2**

Deductions	
EPF (8%)	375.6923077
SOCSO (0.5%)	23.48076923
Total Deductions	**399.17**

Masukkan Butiran Di Bawah	
Basic Salary	2142
Rate 1.5 OT (Hours)	48
Rate 2.0 OT (Hours)	48
Gross Income	4696.2
Estimate Net Income	4297.0

**Jumlah Net Income mungkin akan berbeza sehingga ke 200 ringgit. Untuk dapatkan jumlah lebih tepat, anda mesti rujuk pada HR untuk cara pengiraannya. Hanya gunakan persamaan ini sebagai anggaran kasar sahaja

Kalau tahun 2017 dulu, memang saya ada kongsikan persamaan dalam excel di atas ni.

Memang tak berapa sempurna sebab anda terpaksa download. Dan anda juga terpaksa buka guna excel. Tapi apakan daya, skill buat website saya tak berapa canggih.

Tapi sekarang ni, Alhamdullillah, 2020 kita buat azam baru, selepas 2 hari 2 malam saya buat, akhirnya siap juga kalkulator kira gaji dan overtime anda dibawah ni.

Cuba try…

Panjangkan kalkulator ni. Ya, terlampau panjang. Sebab saya tak tahu coding untuk buatkan dia jadi pendek, atau guna side sebelah kanan. So semua butiran yang anda isi berada di sebelah kiri. Kalau saya isikan juga disebelah kanan tak ada lah nampak panjang gini kan.

Calculator ini juga, baru sahaja saya edit hari ni, 9 September 2023. Sebab saya rasa macam ada yang tersalah kira

untuk sebelum ni. Tapi tak apa, sekrang sudah OK, tapi bukan paling tepat ya. Anggap calculator ini anggaran sahaja.

Dalam calculator yang saya baru edit hari ini juga saya dah buangkan penolakan untuk socso, sebab socso ni sebulan memang tak banyak pun akan ditolak. So ia tak akan jejaskan sangat total net income gaji yang kita akan dapat nanti.

Cara Nak Guna?

Berapa hari anda bekerja dalam sebulan – kalau memang kerja isnin sampai jumaat. Mungkin dalam 26 hari sebulan. Kalau shift, macam saya dulu, mungkin 20 hari sahaja sebulan. Saya juga pernah kerja shift 16 hari sahaja sebulan.

So drag sahaja slider tu kepada berapa hari.

Jumlah Jam Bekerja – kalau anda shift, drag slider ke 12 jam. Kalau office hour, drag kepada 8 jam. Atau ada juga yang kerja shift 8 jam sehari kan!

Basic Salary dan Elaun – untuk basic salary self explanatory. Anda isi sahaja berapa basic yang dapat. Kemudian untuk bahagian elaun, pastikan anda tambah semua elaun telefon, transport, shift semua kalau ada. Tambah semua dulu ya. baru ISI.

KWSP – pilih skim yang mana satu, kalau tak ada. pilih tiada sahaja.

Monthly Salary (Tiada OT) – ini adalah jumlah selepas tolak sekali dengan socso. Socso ni tak banyak. Macam saya, bila basic 1740 pun. Socso potongan dalam 14 ringgit ja. So dalam formula ni, saya ambil total deduction socso dalam 0.5% sahaja daripada basic.

Saya pun tak pasti berapa sepatutnya yang akan ditolak. tembak ja 0.5% tu

Pengiraan Jumlah OT (auto calculate) – Kalau anda kerja ada OT. boleh teruskan lagi isi ruang dibawah. Kalau tak. rasanya pengiraan sampai Monthly Salary Tiada OT sudah selesai. Untuk ruangan ni, sebenarnya note untuk saya program kalkulator ni untuk tolak or tambah, or darab or bahagi di bawah nya. Tapi kalau anda nak noted untuk berapa gaji anda bagi rate 1.5 or 2.0 boleh juga.

Bila kerja kilang terutamanya, memang akan ada rate OT yang 1.5, **Off day** namanya.

Atau macam saya dahulu, kalau **rest day** dapat 2.0. Kalau kerja **public** dapat 3.0

Isi tempat kosong bawah berapa jam anda OT – seterusnya, untuk ruangan terakhir di bawah.



Anda mesti isi dalam unit jam ya. Contoh kerja 1 hari untuk shift 12 jam. Jangan tulis 1 sahaja. Sebab unit itu dalam jam. Jadi anda tulis 12 jam. Contoh macam saya tulis di atas, **60 jam**

Dan terakhir…



Selesai!!

Adakah pengiraan saya tepat? Sudah pasti tidak. Sebab setiap tempat kerja memang lain polisi dan cara kiranya. Cuma untuk diatas yang saya buatkan untuk anda ni adalah yang general. Atau kebiasaannya.

Untuk faham lebih detail, macam mana saya come out dengan formula kalkulator di atas. Anda boleh cuba cuba penerangan untuk pengiraan di bawah ya.

*pengiraan dibawah ini adalah hasil daripada penulisan saya yang lepas. Kira tahun 2018 lagi rasanya. Dan bila saya cuba cuba semula dengan kalkulator yang di atas ni. Jumlahnya lebih kurang sama.

beza dengan socso sahaja. Sebab saya terlupa nak tolong socso. Itu sebab dapat **RM 1749.02**

Dan Penerangannya..

Mula mula kita kira berapa OT untuk satu jam.

(Basic / 26 hari) bahagi (8 jam) = **Gaji Untuk 1 jam**

1 jam ini pula darab dengan 1.5 sebab itu normal rate. Macam kilang saya ada yang 2.0, ada yang 3.0 pun. 2.0 ni biasa public lah, dia akan kira double.

So untuk pengiraan di atas.

(1200 / 26) bahagi (8 jam) = RM 5.769 <<< ini adalah jumlah **GAJI Untuk 1 Jam**

Sekarang, saya akan darab dengan 1.5 untuk tahu berapa pula gaji dikira kalau OT dalam 1 jam, untuk rate 1.5

Maka, RM 5.769 x 1.5 = RM 8.635 (**ini adalah rate OT untuk satu jam**)

Tadi rate OT di atas ada 2 jam untuk satu hari kan?

So dalam sebulan, ada 26 hari bekerja. Dalam 26 hari bekerja akan ada 52 jam ot (26 hari x 2 jam)

52 jam OT x rate OT 1.5 = 52 x RM 8.635 = RM 449.02 (ini jumlah OT sebulan)

Dan total nya

Basic + OT + elaun = Gross Income…

RM 1200 + Rm 449.02 + RM 100 (elaun) = **RM 1749.02**

Persamaan excel yang saya buat dibawah juga dapat lebih kurang sama. Iaitu **RM 1601.3. Kira tak jauh sangat beza dengan kalkulator di atas, Sebab bila saya kira guna butiran di yang sama. monthly last akan jadi RM 1612.**



Basic Salary

Basic Salary	1200
Monthly Shift Allowance	
Transport Allowance	100
Other Allowance	
Total Basic	**1300**

Overtime

Rate 1.5	8.7	450.0
Rate 2.0	0.0	0.0
Rate 3.0		
Total OT		**450.0**

Deductions

EPF (8%)	140
SOCSO (0.5%)	8.75
Total Deductions	**148.75**

Masukkan Butiran Di Bawah

Basic Salary	1200
Rate 1.5 OT (Hours)	52
Rate 2.0 OT (Hours)	0

Gross Income	1750.0
Estimate Net Income	1601.3

Made by SyedShaff dari Saya-Share.com
**Jumlah Net Income mungkin akan berbeza sehingga ke 200 ringgit. Untuk dapatkan jumlah lebih tepat, anda mesti rujuk pejabat HR untuk cara pengiraan yang lebih tepat. Hanya gunakan persamaan ini sebagai anggaran kasar sahaja

Kiranya, saya nak bagi tahu. Kalkulator yang saya buat di atas, rasanya dah betul sangatlah kan. Cuma kalau ada yang rasa macam salah, minta bagi tahu di komen ya. Saya perlukan feedback anda.

Cara Kira Gaji Saya Pula

Macam saya cakap tadi, setiap kilang atau company tu memang berbeza cara kiranya. Dan masa saya kerja di Kedah. Dalam tahun 2016 hingga 2019. Memang tak akan dapat kalau guna kalkulator di atas tadi.

Sebab memang berbeza. Saya dah berhenti kerja yang sekarang, sebab dah focus perniagaan sendiri.

Berikut, adalah cara kira gaji semasa saya kerja di kilang Kedah. Lain sikit caranya.

Begini

(Basic + Elaun) x 12/2184 = Kadar OT Satu Jam

Lepas tu darab macam biasa dengan 1.5 atau 2.0 ikut pada hari saya bekerja.

Seperti contoh.

Basic saya RM 2k

[(RM 2000 + RM 340) x 12] / 2184) = RM 12.857 (untuk rate 1 jam)

Darab 1.5 akan jadi: **RM 19.28**

Kebiasaannya, saya akan target OT 80 jam.

So 19.28 x 80 = RM 1542

Maka

RM 2000 + RM 340 + RM 1542 = RM 3882.00

Oh ya, minus 11 percent ya untuk KWSP.

RM 3882.00 ini baru saya kira kalau kesemua 80 jam yang saya OT adalah rate untuk 1.5. kebiasaanya, rate 2.0 akan ada lebih kurang dalam 30%. Bergantung juga. Tapi lebih kurang dalam 30%.

Sekarang saya ambil kira kalau 30 jam adalah rate 2.0. selebihnya 50 jam adalah untuk 1.5

Rate untuk 1.5 = RM 19.28

Rate untuk 2.0 = RM 12.857 x 2.0 = RM 25.714

Makanya….

25.714 x 30 = RM 771.42

19.28 x 50 = RM 964

Total: **RM 1735.42 (baru jumlah OT)**

Dan totalnya,

RM 2000 + RM 340 + RM 1735 = RM 4075 (nanti tolak 11% sendiri)

Dan untuk basic gaji RM 1000 pula

Untuk anda yang gaji RM 1000, berapa pula jumlah OT ialah, anda perlukan maklumat di bawah.

- Basic berapa: RM 1000 lah kan
- Jumlah OT berapa
- Elaun berapa
- Elaun tambahan berapa, maksud saya begini. Contoh macam saya sendiri, elaun setiap bulan memang sudah dalam RM 300. Tapi kalau saya OT pada waktu malam, akan tambah RM 15.

Dan buat lah seperti pengiraan di atas.

Berapa Banyak Boleh Dapat Bila OT?

Untuk kira gaji ini, kalau ikutkan pengalaman saya, mula mula saya pun tak perasan benda ni. Kawan yang cakap dulu. Ialah, jumlah OT hanya akan ambil separuh daripada jumlah gaji pokok.

Bermaksud, kalau basic RM 1000

Biasanya total gaji anda kalau buat OT, akan jadi RM 1500

Sebelum ini saya pernah gaji RM 1500, anda boleh baca pengalaman kerja saya disini.

Dan bila di campur OT, akan jadi lebih kurang RM 1500 + (separuh gaji) = RM 2 250

Tapi masa tu saya OT kuat juga, so gaji saya lebih kurang dalam RM 2500.

Tapi memang tidak pernah sampai RM 3k

Bagaimana pula dengan basic RM 2000 yang saya kira di atas

tadi.

Sepatutnya tak lebih RM 3000 kan?

> *Kenapa boleh sampai RM 4k?*

Sebab kerja kilang. Memang tersangat bergantung kepada benefit yang company bagi.

Contoh, macam kilang saya ada 3 jenis bonus. Salah satu nya ialah profit sharing. Profit sharing ini maksudnya company akan bagi bonus setiap 3 bulan. Percentage lebih kurang dalam 0.3 percent daripada basic.

RM 4075 di atas adalah bulan biasa, tidak termasuk profit sharing setiap 3 bulan.

Contoh katakan kena pula pada bulan yang ada profit sharing.

Pengiraan gaji adalah lebih kurang seperti di bawah.

0.3 x RM 2000 = RM 600 (hasil dari bonus)

Makanya lagi…

RM 4075 + RM 600 = RM 4675

Selesai…

Harap anda jelas dengan cara pengiraaan gaji. Untuk pengiraan gaji kerja kerajaan saya tak pernah terpikir nak tahu pula. Walaupun, wife, kakak, adik, abng saya kerja dengan kerajaan. Sekarang jam 12.08 am, 13 September 2020. Wife pun dah ngantuk.

Nanti bila dia dah segar, saya akan cuba mintak payslip dia untuk guna kalkulator kita ni.

Biar dia tidor dulu. Nanti merajuk pula kan.

Apa apa pun, sebarang feedback ataupun penambahbaikan, sangat

sangat dialu alukan ya.

Kalau ada yang boleh share saya payslip anda pun ok. Boleh saya matchkan dengan kalkulator kira gaji ni.

Assalamualaikum.

Jawatan Kosong Kilang [4x PENGALAMAN]

Nak Mencari Jawatan Kosong di Kilang?

Panduan ini sesuai untuk anda cari jawatan kosong kilang di Penang atau di Shah Alam sekalipun. Pendek kata, mana mana pun boleh. Yang penting, execution. Kiranya tindakan. Jangan tunggu tunggu, jangan tangguh tangguh.



Pengalaman Selepas 4 Buah Kilang Saya Tempuhi

Sejak dari 2011 sampai sekarang, sudah lebih 7 tahun saya kerja kilang. Daripada mula mula gaji sampai **RM 600** sampai ke **RM 4000** sekarang, Alhamdullillah. Saya ingat lagi, masa tu, isteri bos tak sampai hati nak bagi saya gaji yang RM 600, sebab kalau tak silap masa tu bulan Februari.

Bulan Februari hari kerja kan 28 hari je, gaji pun sikit. Lagi pula tengah puasa kalau tak silap, tapi isteri bos tu naik kan gaji walaupun sepatutnya next bulan baru patut naik. Sekarang, Alhamdullillah, gaji kerja kilang saya boleh maintain RM 3000 ke atas sebulan andai kata saya rajin buat OT.

Lantas, sebabkan pengalaman kerja kilang saya begini, saya rasa macam nak share tips sikit lah untuk anda.

Berkenaan cara untuk dapatkan jawatan kosong kerja di kilang ni. Tak susah, peluang terlampau banyak. Yang penting, kena tahu mana tempat nya.

Tapi sebelum tu, saya nak kongsi lagi pengalaman saya…

2011

Sekejap sahaja dalam tahun 2011, saya lupa dah bulan berapa. Saya kerja kilang screw. Gaji dalam RM 600. Kerja lebih kepada bawa forklift, pakaging. Punggah screw.

Jaga machine sikit.

Memang penat kerja kat sini, sebab saya sorang je orang muda. Yang lagi 2 orang cina tua.

Masa ni, agak bosan juga, sebab saya kena ulang aling ke 2 lagi kilang bos yang lain. Tapi kadang kadang je la. Tapi bila dah lama lama tu macam selalu pula.

Saya kerja sini sekejap je kalau tak silap, dalam 3 bulan macam tu. Lepas tu, saya kerja kilang lain untuk bos ni juga. Dia cakap nak tukarkan saya sebab saya ada diploma. So lebih baik saya jaga machine. Jadi technician daripada sekarang yang jadi operator.

2011

Kerja saya lebih kepada bawa forklif (2 tahun pengalaman ni)

Turunkan naikkan scew atas lorri.

Packing screw.

Jaga machine stamping, untuk buat kepala screw. Ni screw highway kalau tak silap saya.

Gaji kat sini? RM 1200.

Ini antara machine yang saya jaga untuk pertama kali saya jadi Technician. Disebalahkan kiri mesin untuk buat kepala Bolt. Kiri untuk buat threads pada nuts

2012 – 2014

Seterusnya, saya dapat kerja kilang semicon. Tak lama, lebih kurang dalam 1 tahun 6 bulan. Saya kerja bahagian process.

Kerja saya lebih kepada jalan kan product baru.

Contohnya, sebelum customer nak minta company yang saya kerja ni buat assemble product diorang. Tak kan la diorang terus nak order 2kk atau 200 ribu units terus kan. Berjuta pun ada. So tak akan lah. Mesti customer tu akan test kebolehan machine dan kebolehan pekerja kilang ni dulu. So mungkin diorang akan order sikit dulu, dalam 1k contohnya.

Untuk saya yang kerja bahagian process, yang 1k tadi itu lah saya buat. Lepas saya setup 1k tadi, buat report semua. Kalau customer rasa OK, baru lah diorang start order secara banyak.

*saya buat kat process bahagian saya sahaja, ada lagi techncian bahagian lain. Ah, saya juga kena buat report akan setup yang saya buat pada machine.

Basic sini lebih kurang dalam RM 1500. Lepas tu naik gaji 1678 kalau tak silap. Lepas kerja setahun. Paling tinggi selepas OT gaji saya dalam Rm 2600 macam tu. Memang tak pernah sampai 3k

Seterusnya.

2014 – 2016

Lepas tu, saya lari (dengan cara baik) ke kilang semicon yang lain. Saya kerja bahagian process juga. Memang selama nya juga kerja bahagian process. Malas dah nak jadi machine technician masa saya kerja kilang screw dulu.

Apa beza process techncian dengan maintenance technician?

Meh dekat sikit abang nak bagi tahu.

> *Paling mudah nak faham macam ni lah. Contoh ada satu track mesin yang sepatutnya hasilkan 100 periuk nasi dalam masa 1 jam. Tapi entah macam mana, 90 periuk nasi sahaja di hasilkan. So saya yang bahagian process ni kena fikir lah. Tapi boleh fikir dan plan sahaja. Untuk adjustment dan improvement pada machine saya tak usik, sebab itu akan pass pada maintenance technician. Serupa juga kalau nak tingkat lagi daripada 100 periuk nasi sejam kepada 150 periuk nasi untuk kadar yang sama.*

Balik semula pada kilang yang ini. Memang best keja sini. Relax. Tapi gaji banyak.

Normal gaji saya RM 3 300 sebulan. Biasa dapat lah ni.

Paling tinggi RM 5 200. Tapi sebulan sahaja lah dalam tempoh 2 tahun kerja.

2016 – sampai sekarang.

Saya berpindah jauh sikit. Sekarang dah masuk 1 tahun. Kerja memang banyak, busy memanjang. Gaji? Ok lah.

Basic dalam 20++ something. Bila OT saya dapat close to RM 4k macam tu. Biasa juga dapat gaji dekat 4k sini.

Apa plan saya selepas ni? Adakah akan terus lari lagi?

Saya masih lagi tak pasti. Mungkin ya. Mungkin tidak. Kalau anda perasan, saya kerja dalam 2 tahun sahaja untuk satu satu tempat. Untuk kilang ni, setahun sudah berlalu. Saya tak pasti apa rezeki saya yang akan datang. Apa apa pun saya nak kerja 1 tahun lebih dulu untuk tengok review berapa bos nak bagi kenaikan saya nanti. Tapi kemungkinan besar saya akan lari juga cari kilang lain, sebab bos di sini macam racist.. Biasa lah kan, kalau kerja kilang..

Berbalik kepada cara saya dapat kerja kilang tadi.

Pertama.

Anda mesti dapat pengalaman dulu. Jangan memilih kerja. Kaut je apa yang ada. Kalau umur masih muda. Ambil sahaja mana mana jawatan kosong kilang. Bila sudah ada pengalaman, baru cari lah kilang lain.

Kedua

Sentiasa Alert

Kerja kosong yang saya dapat semua semua tu kan, kebanyakannya (boleh kata semua) datang dari mulut orang. Mulut kawan kawan. Bukan Jobstreet, walaupun jobstreet pun sepatutnya anda jadikan platform cari kerja yang utama. Tapi untuk kes saya. Banyak dari mulut orang. So pengajarannya, anda mesti alert bergaul dengan orang lain. Jangan buat hal sendiri.

Actually, saya pun jenis buat hal sendiri juga. Cuma mana hal hal yang macam ni memang saya alert sikit.

Ketiga

Mesti pandai buat resume. Resume tu kena hias hias cantik sikit, bagi sejuk sikit mata orang yang tengok.

Anda boleh rujuk post, 4 perkara yang saya buat bila tulis resume

Keempat

Ingat, resume yang atas tadi hanya lebih kepada untuk buatkan si penemeduga atau kilang rasa anda ni macam best. So diorang boleh la panggil interview. Kiranya, resume yang kita set untuk buatkan kilang panggil sahaja. Selebih nya bergantung kepada skill tackle interview anda.

Ini dia, saya ada kongsikan persedian yang anda harus buat selepas buat pergi interview.

Actually, itu persedian saya, kalau anda rasakan ia OK, follow lah. Kalau tak ok, insyaAllah cara anda akan lebih baik.

Ke Lima

Saya rasakan ini pengajaran yang paling akhir ni.

Selepas interview jangan terus diam. Jangan mengharap kan kilang call anda.

Sebaliknya anda yang call yang balik. Contoh macam saya, lebih 2 minggu atau 1 bulan saya akan cuba contact semula.

Ini ada satu post yang saya buat, apa nak buat selepas interview.

Itu sahaja.

Baiklah, sekarang ni, anda ada pengalaman atau tidak kerja kilang?

Pinjaman Segera Online [Updated]

Untuk permohonan pinjaman peribadi segera ANDA yang boleh diharapkan paling cepat ialah **Easy RHB.** Pusing satu Malaysia pun, tiada bank lain lagi yang boleh bagi secepat Easy RHB. Itu pun kalau lulus lah.. Mach Hong Leong Bank pun janjikan cepat juga, 60 minit sahaja proses.

Tapi ikutkan pada pengalaman sendiri, macam tak menjadi je 60 minit untuk Mach Hong Leong Bank tu.

Untuk Permohonan Easy RHB [Pengalaman Sendiri]

Ikut kan pengalaman sendiri juga, Easy RHB, kalau anda apply, mereka akan minta IC dan confirmkan gaji anda melalui penyata KWSP. Kalau tak silap, ada kadar bulanan yang mereka jadikan sebagai syarat, dalam RM 150 atau pun RM 200 untuk jumlah minimum kemasukan ke KWSP setiap bulan.

> Update: saya da tanya easy rhb consultant, mesti at least 165 untuk caruman dari gaji anda, dan RM 195 dari majikan
> Update lagi : saya ada sediakan satu artikel khas, review untuk 3 jenis pinjaman peribadi yang approve cepat. Dah read?

Bulanan penyata KWSP ini juga tak boleh ada yang miss.

Kiranya untuk pastikan pekerjaan anda tetap.

Selain daripada 2 bank ni, saya tak pasti mana lagi yang boleh tawarkan pinjaman kelulusan segera.

Oh ya, saya pernah dapat kelulusan segera daripada pinjaman CIMB. Duit masuk tak sampai 5 minit. Rasanya lagi cepat dari tu, CIMB call saya, cakap nak bagi pinjaman peribadi

disebabkan saya bayar kad kredit nya cantik.

Perbualan kami lebih kurang dalam 3 atau 4 minit. Saya pun cakap setuju, duit pun masuk sebaik sahaja saya letak telefon. Cepat kan?

Memang cepat, tapi rate nya agak mahal.

Menyesal juga sikit sebab saya masih lagi terima.

LANTAS saya pun terus ke tawaran CIMB untuk cari cari kalau kalau ada pinjaman peribadi yang kelulusan nya tak ambil masa yang lama.

Belek punya belek, rupanya memang ada. Iaitu CIMB Bank Pinjaman Peribadi Cash Plus

Ikutkan daripada kenyataan IMoney, tempoh kelulusan hanya 24 jam. Masih lagi boleh dikira cepat juga kalau sudah tiada cara lain.

Seperti screen shot dari IMoney di bawah, untuk permohonan RM 10 000, jumlah bayaran balik bulanan hanya RM 288 sahaja.

Untuk gaji minima bulanan RM 2000 adalah normal, kebanyakan bank lain pun seperti ini juga. Kadar faedah mungkin agak tinggi sikit.

Anda boleh pergi ke page IMONEY dan buat permohonan di sana.

Isikan butiran, seperti nama dan alamat kalau perlu, tapi yang paling penting, No telefon anda. Sebab pegawai IMoney akan forward kan nama + butiran anda pada CIMB.

Nak Lagi Cepat?

Tak lain tak bukan, pinjam dari peminjam berlesen. Atau pun Ah Long. Ah Long ni kalau kita panggil Ah Long pada diorang memang diorang tak suka. Kononnya bukan Ah Long, tapi peminjam peribadi berlesen.

Padahal sama sahaja.

Ratenya juga lebih kurang sama dengan Ah Long.

Berapa rate untuk bulanan pinjaman segera daripada Ah Long?

Jawapannya ialah 2x ganda dan mesti di bayar dalam masa singkat.

Contoh, katakan anda pinjam RM 1 000, kena bayar RM 2 000.

RM 2 000 pula, RM 4 000.

Tempoh kala bayaran balik, ada yang bulanan dan selepas 2 minggu. Atau pun 1 minggu.

Mana yang memang bekerja sendiri, mungkin 2 minggu. Mana yang bulanan, nak tak nak mereka terpaksa juga dapatkan bayaran anda dalam masa 1 bulan juga.tapi yang pasti, akhirnya, mesti akan jadi double.

Kalau dah memang terpaksa, apa lagi boleh buat kan. Harapnya perbelanjaan kewangan kita akan bertambah baik selepas ini. Tapi itu lah, kalau boleh, mesti cuba sedaya upaya untuk elakkan. Lebih baik cuba pinjam dari kawan kawan anda.

+7 Kelebihan Kad Kredit

Bila ada yang nak cari kelebihan kalau menggunakan kad kredit ni, mesti ada juga yang terfikir kad kredit hanya menambahkan sesak nafas belanjawan anda sahaja. Biasa lah orang kita, macam PTPTN. 11 kad kredit terbaik Malaysia.

Bila baru dapat duit, tengah berbelanja, langsung tak ingat yang diri tu tengah berhutang. Tapi bila dah menanggung beban atas boros belanjawan sendiri. Mula lah nak salah kan orang lain pula.

Lebih kurang sama macam kad kredit juga, kalau tak boleh kawal belanja, jangan pakai. Dan kalau pakai juga, bila dah berhutang, jangan salahkan outstanding anda yang sudah hampir limit. Itu sebab penting untuk rancang perbelanjaan kad kredit anda. Guna bila perlu, dan guna bila anda tahu akan kelebihan nya.

InsyaAllah dalam article ini saya akan kongsikan beberapa kelebihan yang saya tahu hasil daripada pembacaan dan pengetahuan saya.

INGAT!!! Apa yang anda baca ni, mungkin tiada tersenarai sebagai kelebihan pada kad kredit yang anda pakai sekarang. Kalau anda rasakan salah satu kelebihan yang saya senarai ni bagus dan memang perlu untuk anda, boleh lah tukar ke kad kredit lain.

Balance Transfer

Bila saya cakap tukar ke kad kredit lain tu, mesti ada yang terfikir. Macam mana nak tukar kalau di dalam kad kredit yang anda ada sekarang masih lag ada outstanding. TIADA MASALAH, sebab kebanyakan kad kredit provider ini diorang bagi untuk

anda buat balance transfer. So, cari lah mana interest rate yang lebih rendah dan juga cas balance transfer yang tak tinggi. Dan tukar kad kredit lain, andai kata anda tersalah pilih. Atau pun kelebihan yang ada pada kad kredit yang anda guna sekarang bukan lagi jadi perkara penting untuk anda.

Lebih Mudah

Biasalah, bila bank buat anda lebih mudah untuk berbelanja. Lebih mudah la untuk anda bayar balik, dan lebih mudah la bank nak untung. Tapi jangan kata bank jahat juga, sebab kebiasaan kad kredit akan beri tempoh bayar balik tanpa ada cas. Seperti contoh, CIMB, anda mesti bayar dalam 15 hingga 20 untuk elakkan daripada terkena cas.

Zero Kos Loan

Ini lebih kurang macam faktor lebih mudah di atas tadi. Andai kata anda perlukan duit dengan banyak pada waktu yang singkat. Kiraya, lagi 1 minggu nak gaji, tapi anda perlukan 2 ribu sekarang juga. Boleh sahaja guna kad kredit, nanti bila sudah dapat gaji boleh sahaja bayar semula RM 2 000 tadi tanpa perlu ada cas pun, tapi mesti bayar sebelum 20 hari lah. Ada kad kredit yang 15 hari juga kalau tak silap.

Atau pun, tiba tiba ada sale ke, memang rugi kalau terlepas peluang kan.

Andai kata anda tak nak bayar lagi? Itu pun bukan satu masalah. Kalau tak silap saya, ikut kan pengalaman pengguna kad kredit CIMB Platinum saya ni, kalau 2 000 outstanding, rasanya saya perlu bayar minima dalam RM 100 sahaja hujung bulan.

Tapi yang penting, at least bayar lah yang minima tu, nanti nama anda akan ada rekod buruk di bank negara pula.

Jangan miss ya. Tak silap saya, kalau anda termiss satu payment, status pembayaran anda bulan itu akan jadi 1. Kiranya

1 bulan lewat bayar.

Andai kata anda nak buat loan lain, takut tak lepas sebab kan no 1 tadi.

Statement c cris tu lebih kurang macam ni. Katakan anda ada outstanding RM 2000

Provider	Outstanding	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul
Kad Kredit	RM 2000	0	0	0	0	0	0	0

Lebih kurang macam ini lah kalau anda print out statement bank negara anda nanti.

Kalau yang atas tu, setiap bulan 0 0 0 ok lah. Tiada masalah.

Tapi kalau ada 1 macam di bawah…

Provider	Outstanding	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul
Kad Kredit	RM 2000	1	0	0	0	0	0	0

Tengok bulan Januari, ada nilai 1 kan.

Ini ibaratnya, anda telah lewat satu bulan ikut pada jadual pembayaran. kadang kadang kalau nak buat loan, kemungkinan bank tidak akan bagi lepas sebabkan value satu tu. So, diorang akan cakap, tunggu lagi 6 bulan. Kiranya 6 kali jumpa ‘0’ dalam bank negara statement ni.

Tak silap saya lah, sebab saya ada pernah dengar benda ni dulu. Sekarang tak pasti. Sila update saya ya mana yang tahu.

Nak statement bank negara tu, kalau memang bank negara nya jauh. Boleh sahaja print out daripad AKPK, nanti mereka akan minta IC untuk registration.

Rekod kewangan anda.

Biasa kalau kita guna cash money, kadang kadang tak pasti macam mana lah duit di dompet boleh kurang. Tapi dengan kad kredit, segala perbelanjaan anda akan direkod. Jadi lebih mudah untuk track dan nilai mana perbelanjaan anda yang tak perlu.

Buktikan Kebolehan Anda.

Untuk faktor ni, saya tak pasti tajuk buktikan kebolehan anda ni betul atau tidak. Rasa macam tidak tepat sahaja, tapi apa yang pasti. Tujuan saya nak cakap ialah, katakan anda ada kad kredit, dan kad kredit anda semua nya clean bersih. Bayar cantik. Tiada lewat lewat. Anda guna 1000 anda bayar 1000. Kiranya cantik lah bertahun tahun.

Bila ni boleh dicapai, nanti anda akan dapat kelebihan lain lagi. Contoh macam nak buat loan rumah atau kereta bukan sikit. Tapi sebabkan bank tengok anda memang tiada masalah kalau nak bayar hutang. So rekod anda pun baik, maka untuk lulus permohonan pinjaman anda tu akan lebih mudah.

Tak perlu bawa cash.

Ini pun bagus juga. Feature yang paling saya suka. Memang tak perlu nak cucuk sahaja memanjang. Saya rasa, bila saya cucuk duit, kebanyakan guna untuk makan sahaja.

Kalau anda terfikir, nanti kena rompak macam mana, sebab kad kredit ni memang swap sahaja. Kalau dah betul betul kena rompak, cepat cepat lah call bank, off kan kad kredit anda tu. Habis cerita.

Earn while you spend.

Ini pun feature paling saya suka juga. Walaupun agak lambat nak tunggu banyak. Tapi at least perbelanjaan kita tu ada lah

pulangannya, daripada tiada lansung kan.

Antaranya.

1. Anda boleh dapat cashback
2. Anda boleh dapat rewards untuk claim apa apa, rewards atau pun mungkin points ni ada sesetengah kad kredit yang boleh pula buat kan feature untuk tukar kan points ini kepada cash.
3. Mana yang suka isi minyak guna kad kredit lagi bagus.
4. Tengok sahaja LAZADA, harga akan lebih rendah kalau guna kad kredit.
5. Dan macam macam lagi.

Baik lah, itu sahaja, jadi bagaimana? Kad kredit anda ada semua ini tak?

Kad Kredit Gaji Di Bawah RM 2000

Untuk permohonan kad kredit bagi pendapatan bulanan 2000 ringgit masih lagi tiada masalah. Ada sahaja pilihan dari bank bank ternama untuk anda buat permohonan.

Yang masalahnya, bila pendapatan bulanan yang di bawah RM 2 000 ni.

Mungkin akan susah sikit. Sebab kebanyakan syarat permohonan kad kredit dalam RM 24 000 setahun. Kiranya, sekurang kurang nya RM 2 000 sebulan.

Kalau anda boleh buat kerja lebih masa, dan maintain selama 3

bulan. Sudah cukup. Harap permohonan anda lepas.

Untuk yang pendapatan bulanan di paras RM 2000, saya cadangkan 5 kad kredit seperti dibawah untuk anda mulakan permohonan. Cuba mohon satu satu ya, jangan terus mohon semua. Sebab ia boleh buat permohonan anda terganggu juga.

Untuk yang di bawah RM 2 000, saya ada beberapa cadangan di bawah untuk anda follow.

3 Kad Kredit Utama Untuk Shopping + Isi Minyak

City Clear Credit Card

Citi Clear Credit Card

Kalau tidak silap, credit card ini memang baru sahaja di lancarkan. Sebab pegawai yang hubungi saya untuk sign up tu tak habis habis suruh setelkan form. Printer dan scanner rumah saya ni dah la tak ada, kalau ada memang tiada masalah. Lagi nak 3 slip bulan gaji, bila saya kerja memang tak berapa nak sempat nak uruskan semua ni.

Apa apa pun, saya galakkan anda cuba buat permohonan untuk Citi Clear Credit Card ni.

Di bawah antara syarat dan kelebihan yang akan dapat.

Minima gaji bulanan ialah RM 2000
Interest rate 15%
Balance transfer 2.99%

Anuall fee = RM 90

Kad kredit ini memang sesuai untuk shopping, sebab itu ratenya memang tinggi sikit di bahagian shopping dan dining di Imoney bawah ni.



Dapat minuman free di coffee bean kalau tak silap. Lepas tu boleh juga dapat satu tiket wayang free.

CIMB Cash Rebate Gold

Seterusnya kad kredit dari CIMB ini pula, ikutkan ratingnya, boleh kata ok juga. Sesuai untuk guna pergi shopping, entertainment macam wayang semua. Makan makan pun dapat points. Nak isi minyak pun sesuai. Lepas tu, yang tak ada dalam kelebihan citi bank tadi, anda juga dapat rewards lebih kalau belanja untuk bayar bil utilities.

Saya juga pengguna kad kredit cari CIMB yang lebih kurang macam ini juga. Jadi, saya amat rekomen kalau anda dapatkan yang ini.

Berikut adalah ratingnya daripada Imoney



Anda akan dapat 5% rebate setiap kali belanja dalam sebulan. Saya rasa kad kredit ini tiada had minima. Kiranya kalau nak dapat 5% rebate tu mesti belanjakan dalam RM 1000 contohnya.

Kad kredit biasa juga letakkan had belanja minima. Contohnya macam dari RHB Smart Value Credit Card ni.

Kalau tengok rating nya



Memang nampak terbaik, cover hampir semua bil yang kita perlu bayar hari hari. Tapi contoh petrol itu sahaja, adna kena belanja RM 2500 ke atas baru boleh dapat 5% rebate.

Sangat sangat lah pelek, atau pun, kad kredit ni sesuai untuk abang lori sahaja.

Apa apa pun, kalau anda berminat untuk cari kad kredit yang untuk isi petrol sahaja, saya cadangkan Public Bank Petron Visa Gold Credit Card

Public Bank Petron Visa Gold Credit Card

Tiada masalah kan kalau nak cari Petron. Stesen minyak petron dah berlambak sekarang ni.



Kad kredit dari Public Bank ini best. Untuk anda dapatkan rebate bila isi petrol tak perlu patuhi had belanja minima. Asalkan anda guna sahaja, akan rebate. Dan kalau lagi banyak guna, percentage rebate mesti lah akan lebih tinggi.

0.5% cashback for spending of less than RM100
1% cashback for spending between RM100 to RM200
2% cashback for spending between RM200 to RM500
3% cashback for spending between RM500 to RM800
5% cashback for spending of more than RM800
Rasanya, abang lorri pun akan lebih berminat dengan kad kredit ini kot.

Kalau anda kaki wayang, saya cadangkan Mach Visa Credit Card

Mach Visa Credit Card



Boleh dapat 10% cashback untuk setiap perbelanjaan 1 ringgit wayang.

5% cashback untuk dining juga

Shopping 2%, dan kalau buat belian online 1%.

Kad Kredit Mudah Lulus

Kad Kredit, secara dasarnya memang mudah untuk lulus. Kalau **pinjaman peribadi** anda tidak lepas, ATAU PUN. Mungkin pinjaman peribadi lepas, tapi memerlukan anda untuk ada penjamin. Boleh la cuba cuba buat permohonan kad kredit, kerana insyaAllah ia lebih mudah untuk lepas.

Asalkan syarat permohonan kad kredit gaji minima setiap bulan anda tiada masalah.

Paling rendah untuk sesetengah bank utama Malaysia, mereka masih lagi menghadkan pada RM 2 000. Dan kalau anda berada di paras RM 2 500, ia pun sudah cukup baik dah. Sebab kebanyakan kad kredit mesti ada pendapatan bulanan lebih kurang dalam RM 2 500.

RM 2 500 hanya basic gaji sahaja atau gross income? Jawapannya gross income. Jadi tak perlu risau dengan basic yang rendah. Agak agak anda sudah nak buat permohonan boleh lah pulun kerja lebih masa sekuat hati.

Yang Mana Satu Kad Kredit Yang Mudah Lulus?

Maaf kalau jawapan yang anda nak cari masih lagi belum dapat dalam article ini. Tapi dengar sini elok elok, nak buat permohonan kad kredit bukan atas senang nak lulus atau tidak. Asalkan anda suka akan faedah kad kredit yang anda pilih, dan

anda memang layak akan syarat syarat permohonan yang ditetapkan.

Kalau dua ini tiada masalah, kenapa kad kredit anda tidak lulus lagi kan.

Yang penting, sebelum buat permohonan, buat persedian, jaga rekod kewangan anda baik baik, PTPTN tu jangan tangguh tangguh sangat bayar.

Bila ptptn sudah sampai yang tertunggak. Ini yang akan jadi masalah.

Berdasarkan pengalaman saya lah, PTPTN ni bukan nya harap kita bayar dan habiskan hutang dengan cepat. Asalkan ada progress yang sekurang kurang nya anda bayar setiap bulan pun sudah cukup.

Cara Nak Pilih Kad Kredit

Sebelum buat keputusan bank mana yang anda ingin cuba buat permohonan kad kredit, fikir dulu atas kemudahan apa yang anda cuba nak guna bila ada kad kredit nanti.

Nak bayar petrol?

Shopping?

Tengok wayang?

Travel ke mana mana.

Setiap tarikan di atas, kalau anda pilih kad kredit yang betul, memang sedikit sebanyak akan buat kan perbelanjaan anda lebih berbaloi daripada tiada apa kemudahan langsung.

Seterusnya tengok pada interest rate nya berapa. Kebiasaannya, lebih kurang dalam 15%. Ada juga yang 13.5%, ada juga yang hanya 9%.

Atau pun, kalau anda keliru tanya pegawai yang offer anda kad kredit tu soalan direct.

Seperti contoh..

Kalau anda beli barang harga RM 1 000. Dan tak bayar penuh tempoh di perlukan supaya tak kena akan tempias interest kad kredit. Berapa?

Kiranya, bila naik bulan satu lagi, berapa yang akan jadi.

Adakah RM 1050 atau RM 1100 sebagainya

Kalau macam ini, kita boleh agak dengan mudah.

Andai kata anda hutang 1 000 yang masih lagi belum langsai dalam akaun kad kredit, bulan depan kalau masih lagi tak bayar ia akan jadi RM 1050

Kalau anda hutang RM 4000 (kebanyakan kad kredit limit), bermakna anda perlu bayar tambahan hampir RM 200.

Selesai, harap jelas ya.

Sebab kalau anda minta cara bank buat calculation untuk interest kad kredit, saya sendiri yang dah guna kad kredit cimb bank lebih dari 3 4 tahun ni pun akan jadi pening. Pernah saya call tanya macam mana, buat habis kredit sahaja dengar. Jadi, lebih baik tanya soalan yang macam saya cakap tu.

Kiranya, kita congak sangat untuk faham bagaimana cas kad kredit ini di kira.

Lepas tu, kita ambil tahu berapa pula **annual fee** nya. Kebiasaannya, kalau sudah tahu annual fee nya beratus ratus, jangan lah gatai pergi ambil lagi, kecuali kalau anda betul betul alert akan benefit yang boleh dapat. Atau pun, anda memang pengguna kad kredit yang tegar.

INGAT… bayar balik pun kena tegar juga, jangan tangguh tangguh.